



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	17/6/2011

2,000 mohon sertai Freedom Flotila II

Kuota 10 tempat rakyat Malaysia sudah diisi

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Konvoi Freedom Flotila II, misi kemanusiaan antarabangsa bagi memecahkan kepungan rejim zionis Israel ke atas perairan Gaza akhir bulan ini, menerima 2,000 permohonan daripada rakyat Malaysia yang ingin menyertai misi itu, termasuk pelajar sekolah muda 16 tahun dan warga emas berusia 70 tahun.

Permohonan secara dalam talian menerusi laman web Lifeline4Gaza (LL4G) yang dibuka sejak setahun lalu turut diterima daripada mahasiswa, golongan profesional, aktivis kemanusiaan dan Ahli Parlimen, untuk menyertai pelayaran ke wilayah konflik itu.

Rata-rata yang memohon

komited kepada matlamat misi kemanusiaan itu, memabitkan konvoi 13 kapal yang bakal dinaiki lebih 1,000 sukarelawan daripada 600 NGO seluruh dunia, termasuk dari Eropah, Amerika dan Kanada. Mereka dijangka bertemu di Laut Mediterranean pada 28 atau 29 Jun sebelum belayar ke perairan Gaza.

Presiden LL4G, Dr Noorzaman Mohd Samsuddin ber-

kata, kuota 10 tempat diperuntukkan jawatankuasa pemandu misi kemanusiaan itu kepada sukarelawan Malaysia sudah diisi.

Katanya, pemilihan individu diukur berdasarkan pengalaman dan komitmen mereka terhadap isu Palestin selain pemilihan dibahagi kepada empat kategori iaitu golongan kenamaan seperti Ahli Parlimen, wakil media, aktivis kemanusiaan dan artis atau selebriti.

"Keputusan muktamad mengenai sukarelawan ini akan diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) pada majlis pelepasan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Sabtu ini. Kita harap orang ramai datang beri sokongan kepada sukarelawan kita yang akan belayar ke Gaza," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

